

16 NOV 1999

MIC-Buku

SAMY VELLU LANCAR BUKU KECIL MENGENAI KEJAYAAN MIC

KUALA LUMPUR, 16 Nov (Bernama) -- MIC hari ini melancarkan buku kecil yang menggariskan kejayaannya selama 20 dalam kerajaan dan sumbangannya kepada masyarakat India.

Presiden parti Datuk Seri S.Samy Vellu melancarkan buku kecil setebal 40 muka itu di ibu pejabat parti di sini hari ini.

"Ramai dalam pembangkang mungkin bertanya apakah yang telah dilakukan oleh MIC kepada rakyat. Buku kecil ini akan menggariskan apa yang telah dilakukan oleh kerajaan Barisan Nasional (BN) di bawah kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad demi faedah masyarakat India di negara ini.

"Ini ialah dokumen untuk dibaca dan difahami oleh mereka yang tidak tahu apakah yang telah dilakukan oleh MIC bagi masyarakat India," kata beliau kepada pemberita selepas pelancaran buku itu yang diterbitkan dalam tiga bahasa iaitu bahasa Melayu, Tamil dan Inggeris.

Buku kecil itu mempunyai sembilan tajuk kecil iaitu Era Mahathir, MIC dan Barisan Nasional, MIC dan Pendidikan, MIC dan Sekolah-sekolah Tamil, MIC dan Pekerja Ladang, MIC dan Perkhidmatan Sosial, MIC-Budaya dan Agama, MIC dan Perumahan Serta MIC dan Ekonomi.

Mengenai sekolah-sekolah Tamil, MIC telah mempertingkatkan infrastruktur dan taraf pendidikan sekolah-sekolah jenis kebangsaan Tamil di negara ini..

Sejak 1986, MIC melalui inisiatifnya dan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan, kira-kira 47 sekolah jenis kebangsaan Tamil telah dibina di seluruh negara.

Parti itu sekarang mengusahakan pembinaan 19 buah sekolah jenis kebangsaan Tamil yang baru di Selangor, Johor, Negeri Sembilan, Kedah dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Mengenai tuntutan upah bulanan pekerja ladang, buku itu antara laion menyatakan parti telah menjalankan kajian terperinci mengenai upah bulanan pekerja ladang dan parti juga meminta kerajaan campurtangan untuk menentukan pekerja ladang menerima gaji yang adil dan setimpal.

Pendidikan ialah satu lagi bidang yang MIC tidak kurang memberi sumbangan dengan pembinaan Kolej Tafe di Seremban dan Kuala Lumpur, Koprerasi Didik - skim menabung untuk membiayai pendidikan tinggi dan Institut Pembangunan Pendidikan Maju (MIER).

Buku itu menyebut bahawa MIED dalam proses untuk mewujudkan kolej teknologi maklumat bertaraf dunia di Ipoh dan juga bercadang untuk mendirikan sebuah universiti swasta di Sungai Petani, Kedah.

-- BERNAMA

RV FAZ